

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DI DALAM PERBAHASAN MENGENAI MARA DI DEWAN RAKYAT PADA 11 NOVEMBER, 1965

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah definisi "bumiputera" ini, yang sebenarnya tidak ada definisi bumiputera dalam Perlembagaan kita. Jadi perkataan "bumiputera" ini ialah digunakan kepada orang Melayu dan kepada ahli-ahli bumiputera di Negeri Sabah dan Sarawak. Dalam Perlembagaan kita, ada keterangan atau definisi orang-orang Melayu dan dalam Perlembagaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak ada definisi bumiputera. Jadi perkataan "bumiputera" ini ialah meliputi orang-orang Melayu, ahli-ahli bumiputera di Sabah, di Sarawak dan termasuk jugalah Orang-orang Asli yang ada di Tanah Melayu ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti saya terangkan tadi, bahawa Rang Undang-Undang ini yang dinamakan Majlis Amanah Rakyat ini dan perbadanan ini yang dinamakan Majlis Amanah Rakyat ini, ialah akan memberi pertolongan kepada semua penduduk-penduduk negara ini yang berkehendakkan pertolongan — yang mundur, yang miskin, yang tidak ada peluang mendapat bahagian dalam lapangan iktisad dan perniagaan. Jadi, Rang Undang-Undang ini tidaklah memberi faedah kepada satu puak sahaja. Tetapi kita semua tahu, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri tahu, bahawa sebahagian besar daripada penduduk-penduduk negeri yang berkehendakkan pertolongan ialah ahli-ahli bumiputera, orang Melayu dan ahli-ahli bumiputera yang duduk di Sabah dan juga di Sarawak.

Jadi, nyatalah sebahagian besar daripada orang yang akan mendapat faedah daripada rancangan-rancangan yang dijalankan oleh MARA ini ialah ahli-ahli bumiputera. Tetapi kita tidaklah hendak menyekat pertolongan-pertolongan hendak diberikan orang-orang pihak asing yang bukan bumiputera, yang mempunyai keadaan yang sama dengan keadaan ahli-ahli bumiputera, sungguhpun bilangan mereka itu kecil. Jadi menurut Perlembagaan kita, kita tidak boleh membuat satu undang-undang khas untuk memberi hak kepada satu puak. Ini adalah terang dalam Perlembagaan kita dalam Fasal 153 dalam Perlembagaan.

Jadi, Yang di-Pertua, itulah saya sebutkan bahawa MARA yang ditubuhkan-ditubuhkan melalui undang-undang ini, sebenarnya ialah asalnya cadangan daripada pihak Kerajaan. Jadi, pihak Parti PAS hendak cuba membuat keterangan bahawa MARA ini ialah anak kandungan daripada Kongres Bumiputera. Kerana saya percaya di Negeri Kelantan, mereka itu tentu sebut bila MARA menjalankan rancangan-

rancangan kelak, bahawa MARA ini bukan rancangan Kerajaan Parti Perikatan - ini ialah rancangan daripada Kongres Bumiputera. Ini kebiasaan perbuatan Parti PAS. Sungguhpun saya ada perjanjian dengan Menteri Besar Kelantan¹, AMi Yang Berhormat daripada Pasir Puteh² dan juga Ahli-ahli Majlis Kerja Negeri Kelantan iaitu Kerajaan Pusat berhak menerangkan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat di Negeri Kelantan, akan tetapi saya dengar dan saya ketahui bahawa tiap-tiap rancangan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat, di Negeri Kelantan itu, pihak wakil-wakil PAS mengaku yang rancangan itu diperbuat oleh mereka itu. Saya tidak tahulah apa, hendak dikatakan perbuatan semacam ini — kalau tidak malu kepada manusia, patutlah segan pada Tuhan.

Jadi berkenaan dengan Kongres Ekonomi Bumiputera ini, Tuan Yang di-Pertua, Kongres Ekonomi ini dianjurkan oleh pihak Kerajaan Perikatan dengan tujuan hendak mendapat pandangan-pandangan dan buah-buah fikiran daripada wakil-wakil bumiputera, berkenaan dengan perkara-perkara yang sangat penting iaitu berkenaan dengan cara-cara hendak membaiki iktisad mereka itu. Akan tetapi sebenarnya cadangan-cadangan dan kertas-kertas yang dibincangkan dalam Kongres itu semuanya diperbuat oleh pihak Kerajaan Perikatan, pihak wakil-wakil Kerajaan Perikatan. Jadi tidak usahlah kita panjang-panjangkan perkara ini jangan kalau hendak akui hak orang lain, jangan buat terang-terang sangat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh ada mengatakan bahawa belum lagi mana-mana negara dan mana-mana pihak dapat mensesuaikan perjalanan Syarikat Kerjasama atau dasar Syarikat Kerjasama dengan dasar ekonomi yang bebas atau free economy, katanya. Saya percaya dia sendiri tidak faham hal ini. Tetapi kita tahu ada negeri-negeri di Eropah, negeri England, negeri Sweden yang berjaya menjalankan Syarikat Kerjasama dengan maju dan negeri itu mempunyai iktisad yang dikatakan free economy. Jadi tidak betul-lah dia kata yang kita tidak boleh memajukan Syarikat Kerjasama atau dasar hendak memberi pertolongan kepada rakyat yang ramai itu dalam keadaan iktisad yang ada di negara kita pada hari ini.

Jadi Kerajaan menjalankan rancangan-rancangan ini, menubuhkan MARA ini, dengan tujuan supaya MARA — pihak Kerajaan, dapat memberi sepenuh-penuh peluang kepada rakyat di luar bandar untuk memajukan keadaan iktisad mereka itu. Jadi saya harap janganlah tersilap faham di atas hal ini, bila kita sebutkan hendak memperbaiki kebebasan iktisad di antara penduduk di luar bandar dengan penduduk

¹Dato' Mohamad Asri b. Hj. Muda

²Dato' Mohamad Asri b. Hj. Muda

di bandar ini ataupun 'correcting economic imbalances between the people in urban and rural areas', kita maknakan kita hendak beri peluang-peluang yang sama kepada penduduk-penduduk di luar bandar dengan penduduk-penduduk di bandar. Bukan kita hendak dapat samakan keadaan iktisad penduduk di luar bandar dengan penduduk di bandar itu. Jadi ini seperti saya terangkan, bagi pihak Kerajaan hanyalah dapat memberi pertolongan-pertolongan pendidikan dan pengajaran dan juga pertolongan-pertolongan apa cara yang patut, tetapi mustahaklah bagi rakyat sendiri, pendudufcpenduduk di luar bandar, menjalankan usaha tenaga mereka itu untuk memperbaiki iktisad mereka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah payah menjawab pandangan-pandangan daripada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada satu dua perkara-perkara yang mustahak yang saya suka terangkan di sini. Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir³ ada mengatakan yang saya dahulu sebutkan, pada masa menutup Kongres Ekonomi Bumi-putera, bahawa saya berkehendakkan MARA ini, berjalan dengan cara-cara militer iaitu gerakan militeri. Jadi, ini memang tujuan saya dan saya harap pada hari ini begitu juga. Jadi, sungguhpun Undang-Undang MARA ini panjang nampaknya, akan tetapi kuasa-kuasa yang diberi kepada MARA telah cukup dan juga di sini kita ada 'delegation of powers' yang cukup kepada directors-directors dan saya percaya Undang-Undang ini tidak boleh menyekat perjalanan MARA dan saya harap MARA dapat berjalan dengan licin dan sempurna dengan cara yang sebenar-benarnya yang boleh memberi kehasilan yang dikehendaki oleh rakyat. Saya telah memberi tahu pegawai-pegawai MARA bahawa pihak rakyat di kampung-kampung, dan di luar bandar, hanyalah berkehendakkan kehasilan, mereka itu berkehendakkan kejayaan dengan seberapa segera. Jadi inilah tujuan yang pegawai-pegawai sekalian mesti dikehendaki melaksanakan iaitu menjayakan semua sekali rancangan dengan seberapa daya upayanya. Sungguhpun begitu, saya sendiri akan menyemak perjalanan MARA ini daripada satu masa ke satu masa dan jika dikehendaki diperbaiki, kita akan perbaiki. Tetapi pada pandangan saya pada masa ini Rang Undang-Undang yang ada di hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat ini mencukupi bagi kehendak kita pada masa ini dan setengah-setengah perkara itu terpaksa dimasukkan dalam Undang-Undang ini sebab terutama sekali kita kena tamatkan pekerjaan RIDA dahulu dan kita terpaksa tukarkan kuasa-kuasa itu kepada MARA dan begitu juga terpaksa adakan kuasa berkenaan dengan hal kewangan dan sebagainya. Akan tetapi, seperti saya sebutkan tadi, Pengerusi MARA dan Pengarah-Pengarahnya ada mempunyai kuasa penuh bagi menjalankan kehendak-kehendak Undang-Undang yang ada di hadapan kita ini iaitu tujuan-tujuan MARA.

³ Dato' Nik Ahmad Kamil

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir ada juga menyebutkan berkenaan dengan kontraktor-kontraktor negeri Kelantan yang berkehendakkan pertolongan perkakas-perkakas. Ini semua boleh dijalankan oleh MARA, begitu jugalah orang-orang yang menjalankan perusahaan kayu inipun MARA boleh bagi pertolongan. Saya telah terangkan tadi, MARA akan memberi pertolongan kepada rakyat yang berkehendakkan pertolongan dalam lapangan iktisad ini, akan tetapi mustahaklah pertolongan yang diberi oleh MARA itu akan mendatangkan hasil. Jadi, ini bermakna tiap-tiap orang yang berkehendakkan pertolongan samada bersendirian samada kompeni, mustahaklah menerima syarat-syarat yang ditentukan oleh MARA iaitu menerima nasihat, didikan, anjuran daripada MARA supaya pertolongan itu akan memberikan hasil dan MARA akan memberi pertolongan, samada pertolongan wang, didikan, anjuran dan nasihat, sehingga orang-orang itu atau kompeni-kompeni itu dapat berdiri di atas kakinya sendiri. Jadi tujuan kita adalah tiap-tiap satu rancangan yang dijalankan oleh MARA itu akan berjaya dan jikalau rancangan itu tidak berjaya, MARA tidak akan memberi pertolongan, kenalah diperbaiki rancangan itu lebih dahulu sebelum MARA memberi pertolongan. Jadi saya suka yang MARA ini mendapat menjalankan pekerjaan-pekerjaan dengan memberi kesan dengan sepenuh-penuhnya dan dengan sebab itulah kalau pun rancangan-rancangan kita buat itu, bagi permulaan, terkurang sedikit — itu tidak mengapa asalkan tiap-tiap perusahaan atau rancangan yang kita jalankan itu sebenar-benarnya berjaya dan mendapat hasil seperti yang kita kehendaki.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir ada bertanya berkenaan dengan pertolongan-pertolongan yang Kerajaan Pusat berikan kepada Kerajaan Kelantan. Saya sukacita oleh sebab Kerajaan Kelantan sekarang ini ada memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat dan suka hendak menerima pertolongan-pertolongan daripada Kerajaan Pusat.

The Honourable Member for Tanjong⁴ suggested, under Clause 3, that we should try and make the Majlis as representatives as possible. Well, the proposal is to try and bring members with experience or knowledge in commerce and industry and others whose advice would be useful to the Majlis would be invited to sit on the Majlis but it is not intended to have this Authority with too large a membership. I think 15 is about big enough. If we try to have too big a Committee as we had in the case of RIDA, the Committee will never work. I think 15 would be about the most that we need.

On the question of interpretation, he suggested, under Clause 6, that we should have a new concept, that is to say, we should now change from an agricultural economy to an industrial economy. This

⁴Dr. Lim Chong Eu

is the very thing that we are doing: under our next Five Year Plan the emphasis will be on agricultural diversification as well as on industrial development.

I have already explained Clause 27 (1), that is, MARA has no power to acquire land. It has to apply to the State Government and it is only the State Government authorities that can acquire land on behalf of MARA.

As regards Clause 6 (2) (f), the Honourable Member suggests that we should define the functions of MARA here in detail, but we do not consider this necessary as the functions and the purpose of the Act are already fully defined and under Clause 6 (1) it is clear what the duties and powers of MARA are and I do not think it is necessary to define it any further.

Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berucap memberi sokongan kepada Rang Undang-Undang Majlis Amanah Rakyat ini dan saya berharap dengan kelulusan undang-undang ini dapatlah MARA ini berjalan dengan sempurna dan dapatlah MARA ini menyempurnakan tugas-tugas yang sangat penting yang dikehendaki MARA menjalankan.

Sekalian sahaja, terima kasih.